



Jilid 20

Jun 2013

ISSN 1511 - 998x

Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Isi Rumah
di Kampung Pulau Serai, Dungun, Terengganu

Nik Aida Adibah Nik Abdul Aziz
Norhasmah Sulaiman

Pengetahuan dan Jangkaan Pelaburan Dalam
Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

Kanmani A/P Subramaniam
Husniyah Abdul Rahim

Persepsi Pengguna Terhadap Logo/Sijil Halal:
Kajian Kes di Selangor

Norain Mod Asri
Mhd. Suhaimi Ahmad
Wook Endut

Comparative Evaluation of Energy and Water
Efficiency of Washing Machines

Aini Mat Said
Hiroyuki Tashiro

Kepekaan Terhadap Isu Etika dan Intensiti
Moral Dalam Kalangan Pekerja Bengkel di
Lembah Kelang

Umi Naizirah Hamid
Elistina Abu Bakar

Design and Content Analysis of Mydin's
Website in Malaysia

Mohammad Noorizzuddin Nooh
Khairil Faizal Khairi
Muhammad Ridhwan Ab. Aziz

Pembelian Lestari Dalam Kalangan Pekerja
Awam Universiti Putra Malaysia

Normaziah Zulkifli
Norhasmah Sulaiman
Mumtazah Othman

Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan
Serta Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan
Suku Kaum Semoq Beri di Semenanjung
Malaysia

Sarjit S. Gill
Mohd Roslan Rosnon





PENYUMBANG ARTIKEL

Aini Mat Said	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Elistina Abu Bakar	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Hiroyuki Tashiro	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Husniyah Abdul Rahim	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Kanmani A/P Subramaniam	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Khairil Faizal Khairi	<i>Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia</i>
Mhd. Suhaimi Ahmad	<i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
Mohammad Noorizzuddin Nooh	<i>Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia</i>
Mohd Roslan Rosnon	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Muhammad Ridhwan Ab. Aziz	<i>Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia</i>
Mumtazah Othman	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Nik Aida Adibah Nik Abdul Aziz	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Norain Mod Asri	<i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
Norhasmah Sulaiman	<i>Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia</i>
Normaziah Zulkifli	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Umi Naizirah Hamid	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Sarjit S. Gill	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i>
Wook Endut	<i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia</i>

Jilid 20	Jun 2013	ISSN 1511 - 998x	Halaman
Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Isi Rumah di Kampung Pulau Serai, Dungun, Terengganu <i>Nik Aida Adibah Nik Abdul Aziz dan Norhasmah Sulaiman</i>			1
Pengetahuan dan Jangkaan Pelaburan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi <i>Kanmani A/P Subramaniam dan Husniyah Abdul Rahim</i>			24
Persepsi Pengguna Terhadap Logo/Sijil Halal: Kajian Kes di Selangor <i>Norain Mod Asri, Mhd. Suhaimi Ahmad dan Wook Endut</i>			37
Comparative Evaluation of Energy and Water Efficiency of Washing Machines <i>Aini Mat Said dan Hiroyuki Tashiro</i>			58
Kepekaan Terhadap Isu Etika dan Intensiti Moral Dalam Kalangan Pekerja Bengkel di Lembah Kelang <i>Umi Naizirah Hamid dan Elistina Abu Bakar</i>			70
Design and Content Analysis of Mydin's Website in Malaysia <i>Mohammad Noorizzuddin Nooh, Khairil Faizal Khairi dan Muhammad Ridhwan Ab. Aziz</i>			86
Pembelian Lestari Dalam Kalangan Pekerja Awam Universiti Putra Malaysia <i>Normaziah Zulkifli, Norhasmah Sulaiman dan Mumtazah Othman</i>			98
Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Serta Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Suku Kaum Semoq Beri di Semenanjung Malaysia <i>Sarjit S. Gill dan Mohd Roslan Rosnon</i>			117

TIADA JAMINAN KEDAPATAN MAKANAN ISI RUMAH DI KAMPUNG PULAU SERAI, DUNGUN, TERENGGANU

Nik Aida Adibah Nik Abdul Aziz¹

Norhasmah Sulaiman²

¹ Jabatan Pengurusan Sumber Dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi
Manusia

² Jabatan Pemakanan dan Dietetik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Krisis makanan dunia yang berlaku dari tahun 2006 hingga 2008 memberi kesan yang berbeza kepada sesebuah negara. Krisis makanan ini memberi kesan yang lebih serius kepada negara-negara mundur yang bergantung sepenuhnya kepada bekalan makanan daripada makanan import (*The State of Food Insecurity*, 2011). Bank Dunia melaporkan bahawa tambahan sebanyak 44 juta orang telah tergolong dalam golongan miskin kerana kenaikan mendadak harga makanan sejak Jun 2010 (*World Bank*, 2011). Kenaikan harga makanan memberi kesan kepada seluruh lapisan masyarakat, terutamanya kepada golongan dewasa yang mengalami tiada jaminan kedapatan makanan yang disebabkan oleh tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli makanan hingga menyebabkan golongan ini tidak makan beberapa hari (Seligmen, Laraia, dan Kushel, 2010). Tiada jaminan kedapatan makanan bermakna kesukaran untuk mendapatkan barangan dan harga makanan yang tinggi hingga menyumbang kepada tiada jaminan kedapatan makanan (Kaufman, 1999).

Isi rumah berpendapatan rendah dan tidak mempunyai pendapatan yang tetap akan terbeban dengan kenaikan harga barangan ini. Kenaikan mendadak harga barangan, terutamanya harga makanan telah mencetuskan bantahan terhadap kenaikan harga barangan. Sebagai contoh, kenaikan harga beras yang merupakan makanan ruji telah memberi impak yang besar kepada semua pengguna di dunia. Krisis beras semakin meruncing apabila beberapa negara pengeluar utama beras seperti China, Vietnam, Thailand, dan India bertindak mengehadkan eksport beras untuk memastikan kemampuan menyediakan makanan untuk rakyat sendiri. Malaysia dilaporkan

mengimport 700,000 hingga 800,000 tan beras setahun sebagai tambahan kepada 1.1 juta tan yang dihasilkan. Negara utama pengimport beras ke Malaysia ialah Thailand (50% hingga 60%), manakala bakinya daripada China, Vietnam, Myanmar, India, dan Pakistan (FOMCA, 2010). Nasi merupakan makanan utama penduduk Asia termasuk Malaysia. Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada risiko tiada jaminan kedapatan makanan termasuklah wang, masa, maklumat dan tahap kesihatan yang menghadkan isi rumah untuk memperoleh makanan (Norhasmah, Zalilah, Mohd Nasir, Minarlina, dan Asnarulkhadi, 2009).

Tiada jaminan kedapatan makanan berlaku apabila seseorang itu tidak memperoleh nutrien yang mencukupi, makanan yang tidak selamat untuk dimakan atau tidak berkemampuan untuk mendapatkan makanan seimbang (Campbell, 1991). Ia juga dilihat sebagai ketidakupayaan dan ketidakmampuan untuk mendapatkan makanan yang cukup untuk kehidupan yang aktif dan sihat (Seligmen *et al.*, 2010). Davis dan Tarasuk (1994) pula mendefinisikan tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan isi rumah sebagai ketidakupayaan untuk memperoleh atau mengambil makanan dalam kualiti dan kuantiti yang mencukupi dengan cara yang diterima dalam sesuatu budaya, dan ia sering dikaitkan dengan keadaan kewangan isi rumah yang tidak stabil. Dalam erti kata lain, tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan isi rumah bermakna makanan yang tidak boleh diperoleh atau sumber bekalan makanan adalah terhad yang disebabkan oleh pelbagai faktor, seperti kekangan sumber kewangan, bencana alam dan kemiskinan.

Kajian literatur

Tidak kira di negara maju mahupun di negara sedang membangun, tiada jaminan kedapatan makanan didapati berlaku. Di Amerika Syarikat, peratusan isi rumah yang mengalami tiada jaminan kedapatan makanan ialah 14.5% (17.2 juta isi rumah) pada tahun 2010. Peratusan ini merupakan peratusan tertinggi yang pernah dicatatkan (Coleman-Jensen, 2011). Kajian di Indonesia menunjukkan bahawa peratusan tiada jaminan kedapatan makanan adalah tinggi (94.2%) dalam kalangan ibu dengan anak yang berumur bawah lima tahun di Jawa Timur (Studdert, Frongillo, dan Valois, 2001). Piaseu dan Mitchell (2004) melaporkan bahawa peratusan tiada jaminan kedapatan makanan di Thailand ialah 55.8% dalam kalangan isi rumah di bandar. Kajian di negara ini pula melaporkan bahawa tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan isi rumah yang tinggal di kawasan luar bandar di Sabak Bernam ialah sebanyak 58.0% (Zalilah dan Khor, 2004). Hal ini menunjukkan bahawa tiada jaminan kedapatan makanan juga berlaku di Malaysia.

Faktor-faktor seperti pendapatan keluarga rendah, kekurangan akses untuk mendapatkan barangan dapur yang berkualiti, dan harga makanan yang lebih tinggi di kawasan luar bandar menyumbang kepada tiada jaminan kedapatan makanan (Stuff, 2004). Faktor risiko tiada jaminan makanan juga terdiri daripada wang, masa, maklumat dan kesihatan yang mengehadkan sumber-sumber isi rumah untuk pemerolehan makanan (Norhasmah *et al.*, 2009). Faktor seperti pendapatan isi rumah yang rendah, ketersediaan keperluan dapur berkualiti yang terhad dan peningkatan harga makanan juga menyumbang kepada tiada jaminan kedapatan makanan (Stuff, Casey, Szeto, Gossett, Robbins, Simpson, Connell, dan Bogle, 2004).

Kesan tiada jaminan kedapatan makanan kepada isirumah menyebabkan mereka mengehadkan pengambilan makanan. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan kepada kesihatan dan kualiti hidup (Campbell, 1991). Tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan isirumah mendatangkan implikasi kepada tiga kumpulan utama iaitu kanak-kanak, wanita dan orang tua. Kajian telah menunjukkan bahawa tiada jaminan kedapatan makanan berkait dengan prestasi akademik yang rendah, masalah emosi dan kesihatan yang tidak memuaskan dalam kalangan kanak-kanak (Gundersen, 2007; *US Census Bureau*, 2010; *US Department of Agriculture*, 2011). Keadaan tiada jaminan kedapatan makanan pada tempoh tiga tahun pertama kehidupan memberi impak negatif yang besar terhadap perkembangan fisiologi, tingkah laku dan perkembangan kognitif dalam kalangan kanak-kanak (*US Census Bureau*, 2010). Selain itu, kanak-kanak yang mengalami masalah tiada jaminan kedapatan makanan lebih cenderung untuk berjumpa dengan doktor dengan lebih kerap walaupun tidak mempunyai insurans kesihatan (*US Department of Agriculture*, 2012).

Tiada jaminan kedapatan makanan turut memberi kesan kepada golongan tua. Tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan golongan tua akan meningkatkan risiko kesihatan yang tidak memuaskan dan pemakanan yang tidak seimbang melalui pengambilan nutrien yang rendah. Kekurangan nutrien dalam kalangan golongan tua akan meningkatkan risiko penyakit, jangkitan, hilang upaya dan cenderung untuk tinggal di hospital (Lee dan Frongillo, 2001). Secara umumnya, golongan tua kebiasaannya berisiko mengalami masalah pemakanan kerana golongan ini hidup dalam kemiskinan dan perkhidmatan kesihatan yang sukar didapati serta makanan yang tidak mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti (Charlton dan Rose, 2001). Golongan tua juga sering mengambil makanan dalam kuantiti yang tidak mencukupi disebabkan terpinggir daripada masyarakat, fungsi deria yang tidak baik, masalah pencernaan, kurang melakukan aktiviti fizikal, kekurangan upaya, dan wujudnya tabiat mengambil makanan yang tidak berkhasiat (Rousset, Droit-Volet, dan Boirie, 2006).

Wanita juga merupakan golongan yang mengalami tiada jaminan kedapatan makanan. Kajian melaporkan bahawa wanita yang mengalami tiada jaminan kedapatan makanan memberi tumpuan kepada mengambil makanan yang mempunyai sumber tenaga dan makro nutrien yang rendah (Kirkpatrick dan Tarasuk, 2008; Tarasuk dan Beaton, 1999). Peratusan kekurangan nutrien adalah lebih tinggi dalam kalangan wanita yang mempunyai tiada jaminan kedapatan makanan seperti vitamin A, tiamin, riboflavin, vitamin B6, folat, vitamin B12, magnesium, fosforus dan zink berbanding dengan wanita yang mempunyai jaminan kedapatan makanan (Kirkpatrick dan Tarasuk, 2008). Kajian juga menunjukkan wanita yang mengalami tiada jaminan kedapatan makanan mengambil buah buahan/jus buahan dan sayuran yang rendah berbanding dengan wanita yang mempunyai jaminan kedapatan makanan (Tarasuk *et al.*, 2007; Kendall, Olson, dan Frongillo, 1996).

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah di Kampung Pulau Serai, Dungun, Terengganu. Kampung ini dipilih kerana status sosioekonominya yang rendah. Secara khususnya, kajian ini turut bertujuan untuk mengetahui latar belakang responden, menentukan perbelanjaan keperluan utama bulanan isi rumah, mengenal pasti tahap tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan isi rumah, dan mengenal pasti strategi daya tindak bagi menghalang berlakunya tiada jaminan makanan dalam kalangan isi rumah.

Metodologi

Kajian ini dijalankan di Kampung Pulau Serai, Dungun, Terengganu pada Disember 2010. Seramai 80 isi rumah terlibat dalam kajian ini dan kaedah persampelan yang digunakan ialah Persampelan Mudah. Wanita telah dipilih sebagai responden kajian bagi mewakili sebuah isi rumah kerana wanita bertanggungjawab dalam menguruskan pemerolehan makanan, dan penyediaan makanan dan wanita merupakan individu utama bagi menentukan isi rumah yang tiada jaminan kedapatan makanan (Quisumbing, Brown, Feldstein, Haddad, dan Pena, 1995).

Pengumpulan data dilakukan dengan menemubual responden secara bersemuka menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik mengandungi bahagian latar belakang, perbelanjaan isi rumah, status jaminan kedapatan makanan dan strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan. Tahap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah diukur berdasarkan Radimer (1990). Terdapat empat tahap jaminan kedapatan isi rumah iaitu jaminan kedapatan makanan, tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah, tiada jaminan kedapatan makanan individu dan kebuluran kanak-kanak. Statistik deskriptif digunakan untuk meringkaskan data dan menerangkan dapatan kajian.

Hasil kajian

Latar belakang responden

Jadual 1 menunjukkan seramai 80 orang responden yang terdiri daripada kaum wanita yang tinggal di Kampung Pulau Serai, Dungun, Terengganu, terlibat dalam kajian ini. Semua responden berbangsa Melayu. Sebanyak 50% responden berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun. Purata umur responden dalam kajian ini ialah 44 tahun. Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini telah berkahwin. Purata bilangan isi rumah responden dalam kajian ini ialah 6 orang manakala purata bilangan anak ialah 4 orang. Purata bilangan anak yang belum bersekolah ialah 2 orang manakala purata anak yang bersekolah pula ialah 2 orang. Daripada pemerhatian pengkaji, kebanyakan responden mempunyai anak yang sedang belajar, sama ada di sekolah rendah atau di institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

Kebanyakan responden mempunyai kelulusan di peringkat SPM manakala pasangan masing-masing kebanyakannya sehingga PMR. Tahap pendidikan yang agak rendah, iaitu hanya sehingga peringkat SPM menyumbang kepada pendapatan isi rumah yang rendah. Sebanyak 63% daripada responden ialah surirumah, manakala yang selebihnya, iaitu 8% bekerja dalam sektor swasta, dan 9% lagi bekerja sendiri seperti petani dan peniaga. Sementara, paling ramai daripada suami responden bekerja di sektor swasta iaitu 47%. Hanya kira-kira 5% daripada responden melakukan pekerjaan sampingan seperti sebagai tukang jahit, berkebun dan pembantu kedai manakala sebanyak 4% daripada responden memperoleh bantuan kewangan.

Jadual 1: Ciri-Ciri Demografi dan Sosioekonomi Responden

Perkara	(%)
Umur (Tahun)	
20-30	3.8
31-40	33.8
41-50	50.0
51-60	12.5
Purata	44 tahun
Min - Mak	23 - 58 tahun
Bilangan Isi Rumah (Orang)	
1- 5	45.0
6-10	55.0
Purata	6 orang
Min - Mak	3 - 9 orang

Jadual 1 (sambungan)

Perkara	(%)
Bilangan Anak (Orang)	
0	2.5
1-3	30.0
4-6	62.5
≥7	5.0
Purata	4 orang
Min - Mak	0 - 9 orang
Bilangan Anak Belum Bersekolah (Orang)	
0	47.5
1	22.5
2	21.3
3	6.3
4	2.5
Purata	2 orang
Min - Mak	0 - 4 orang
Tahap Pendidikan Responden	
UPSR	3.8
PMR	20.0
SPM	72.5
STPM	3.8
Tahap Pendidikan Suami/Isteri	
UPSR	5.0
PMR	60.0
SPM	33.8
STPM	1.3
Jenis Pekerjaan Suami	
Kerajaan	13.6
Swasta	46.9
Sendiri	38.3
Pekerjaan Sampingan Responden	
Tidak melakukan kerja sambilan	95.0
Berkebun	1.3
Pembantu kedai	1.3
Tukang jahit	2.5
Pekerjaan Sampingan Pasangan	
Tidak melakukan kerja sambilan	98.8
Berkebun	1.3
Menerima Bantuan Kewangan daripada Agensi Kerajaan atau Bukan Kerajaan	
Ya	3.8
Jumlah Pendapatan Isi rumah (RM)*	
<720	21.3
≥720	78.8
Purata	RM 1,053.50
Min - Mak	RM 600 – RM 2500

*Unit Perancang Ekonomi (EPU), 2007SP Sisihih piawai

Purata jumlah pendapatan isi rumah ialah RM1,053. Jumlah pendapatan responden telah dikategorikan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) oleh Unit Perancang Ekonomi (2007). Isi rumah yang berpendapatan RM430 hingga RM720 ialah sebanyak 21.3% dan dikategorikan sebagai miskin (Unit Perancang Ekonomi, 2007). Seterusnya, responden yang berpendapatan melebihi RM720 ialah sebanyak 78.8%. Sesebuah isi rumah dianggap miskin apabila pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada nilai PGK ($\leq$ RM720), sepertimana yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia ke-10. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa 21.3% responden yang tinggal di Kampung Pulau Serai tergolong dalam kategori golongan miskin. Hal ini bermakna isi rumah tersebut mengalami masalah kekurangan sumber kewangan bagi memenuhi keperluan asas untuk setiap ahli keluarganya. Sementara itu, isi rumah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK makanan iaitu di bawah RM430, khususnya keperluan asas terhadap makanan.

Perbelanjaan keperluan utama bulanan isi rumah

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2006), perbelanjaan penggunaan isi rumah bermaksud segala perbelanjaan ke atas barang-barang dan perkhidmatan yang diperoleh oleh isi rumah untuk kegunaan persendirian. Perbelanjaan dikelaskan kepada beberapa kumpulan umum mengikut fungsi barang dan perkhidmatan yang biasa digunakan oleh orang awam dalam kehidupan harian. Kumpulan tersebut ialah makanan dan minuman, perkakas dan keperluan rumah, sewa rumah, bil utiliti, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Jadual 2 menunjukkan perbelanjaan keperluan utama isi rumah responden berdasarkan kumpulan dalam Laporan Perbelanjaan Isi Rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006).

Makanan dan minuman merupakan keperluan asas yang diperlukan bagi meneruskan kehidupan. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2006), purata perbelanjaan untuk makanan dan minuman penduduk Malaysia ialah sebanyak RM365 sebulan. Daripada hasil kajian ini, seramai 86.2% responden membuat perbelanjaan makanan dan minuman kurang daripada RM365. Hal ini bermaksud bahawa majoriti responden (86.2%) membelanjakan pendapatan isi rumah untuk membeli makanan dan minuman kurang daripada purata perbelanjaan makanan dan minuman isi rumah penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006). Di samping itu, kira-kira 28.0% daripada jumlah pendapatan isi rumah diperuntukkan untuk membeli keperluan makanan dan minuman. Berbanding dengan Laporan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2004/2005, sebanyak 20.1% pendapatan isi rumah penduduk Malaysia diperuntukkan oleh isi rumah untuk perbelanjaan

makanan dan minuman. Keadaan kewangan isi rumah yang terhad telah mengehadkan perbelanjaan ke atas keperluan makanan dan minuman.

Seterusnya, mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2006) purata perbelanjaan untuk isi rumah Malaysia membeli perkakas dan keperluan rumah ialah sebanyak RM56 sebulan. Purata perbelanjaan untuk membeli perkakas dan keperluan rumah dalam kajian ini ialah RM90. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati 82.5% daripada responden membelanjakan lebih daripada RM56 daripada jumlah pendapatan untuk membeli perkakas dan keperluan rumah. Hal ini menunjukkan responden memperuntukkan wang yang lebih untuk membeli perkakas rumah berbanding dengan purata pendapatan penduduk Malaysia untuk kumpulan ini. Keadaan ini berkemungkinan akan menyumbang kepada masalah tiada jaminan kedapatan makanan kerana responden memperuntukkan wang yang lebih untuk membeli barangan kehendak (perkakas rumah) berbanding dengan keperluan asas (makanan). Secara keseluruhannya, kira-kira 8.45% daripada jumlah pendapatan isi rumah telah dibelanjakan untuk membeli perabot dan perkakas rumah.

Sebanyak 98.8% daripada responden membelanjakan kurang daripada RM247 daripada jumlah pendapatan untuk membayar bil air, elektrik, telefon, dan bahan api. Purata perbelanjaan untuk bayaran bil air, elektrik, telefon, dan bahan api ialah RM89. Mengikut Laporan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2004/2005, sebanyak 22.0% isi rumah memperuntukkan untuk bayaran bil air, elektrik, telefon dan bahan api. Hasil kajian mendapati 8.43% pendapatan isi rumah diperuntukkan untuk membayar bil-bil. Peratusan pendapatan dalam kajian ini adalah kurang berbanding dengan Laporan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia kerana kebanyakan responden tidak menggunakan atau mempunyai barangan elektrik yang menyebabkan penggunaan elektrik yang tinggi seperti pendingin hawa, mesin basuh, dan *microwave*.

Seterusnya, hanya 2.5% daripada responden membelanjakan lebih daripada RM200 daripada jumlah pendapatan untuk keperluan pengangkutan awam dan sendiri. Purata perbelanjaan isi rumah untuk pengangkutan awam dan sendiri ialah sebanyak RM90 iaitu kurang daripada Laporan Perbelanjaan Isirumah Malaysia 2004/2005 iaitu sebanyak RM200. Hal ini kerana kebanyakan responden tidak mempunyai kereta tetapi hanya mempunyai motosikal yang tidak memerlukan petrol dalam kuantiti yang banyak atau hanya menggunakan basikal sahaja.

Jadual 2: Perbelanjaan Keperluan Utama

Keperluan Utama	%Responden	% Jumlah Pendapatan untuk Perbelanjaan Keperluan Utama
Makanan dan Minuman (RM)* <365 ≥365 Purata Min-Mak	86.2 13.8 RM295.00 RM150-600	28.00
Perkakas Dan Keperluan Rumah (RM)* <56 ≥56 Purata Min-Mak	17.5 82.5 RM90 RM50-500	8.54
Bil Air, Elektrik, Telefon, Bahan Api (RM)* <247 ≥247 Purata Min-Mak	98.8 1.2 RM89 RM50-400	8.43
Pengangkutan Awam Dan Sendiri (RM)* <200 ≥200 Purata Min-Mak	97.5 2.5 RM90 RM30-300	8.52
Perubatan Dan Kesihatan (RM)* Tiada <16 ≥16 Purata Min-Mak	76.2 0.0 23.8 RM63 RM0-200	5.95
Pendidikan anak (yuran, wang belanja) (RM) * Tiada <16 ≥16 Purata Min-Mak	6.2 0.0 93.8 RM122 RM20-600	11.56

*Purata perbelanjaan setiap kumpulan barangan dan perkhidmatan dalam Laporan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006)

Sebanyak 76.2% responden tidak membelanjakan jumlah pendapatan untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Kira-kira 23.8% daripada responden membelanjakan lebih daripada RM16 daripada jumlah pendapatan untuk perubatan dan kesihatan. Mengikut Laporan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2004/2005, sebanyak 1.4% diperuntukkan oleh isi rumah untuk perbelanjaan perubatan dan kesihatan. Purata perbelanjaan untuk responden yang membelanjakan pendapatan untuk perubatan dan kesihatan ialah RM63. Kebanyakan responden tidak membelanjakan wang untuk perubatan dan kesihatan kerana menggunakan perubatan tradisional yang hanya menggunakan akar-akar kayu sebagai ubat-ubatan.

Akhirnya, didapati sebanyak 93.8% daripada responden membelanjakan lebih daripada RM16 daripada jumlah pendapatan untuk pendidikan anak. Hal ini menunjukkan responden memperuntukkan jumlah yang lebih daripada Laporan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia, iaitu sebanyak RM16 untuk pendidikan anak-anak kerana kos pendidikan anak-anak pada masa ini adalah tinggi, iaitu merangkumi yuran dan belanja harian sekolah. Purata perbelanjaan untuk pendidikan anak ialah RM122.

Kesimpulannya, sebanyak 28.0% daripada jumlah pendapatan diperuntukkan untuk makanan dan minuman, 8.54% daripada jumlah pendapatan diperuntukkan untuk perkakas dan keperluan rumah, 8.43% daripada jumlah pendapatan diperuntukkan untuk bil-bil, 8.52% daripada jumlah pendapatan diperuntukkan untuk pengangkutan awam dan sendiri, 5.95% daripada jumlah pendapatan diperuntukkan untuk perubatan dan kesihatan, dan 11.56% daripada jumlah pendapatan diperuntukkan untuk pendidikan anak. Corak perbelanjaan adalah penting dalam kajian ini kerana ia dapat menunjukkan peratusan perbelanjaan bagi setiap komponen termasuk makanan dan dapat melihat sama ada ia memberi kesan kepada tiada jaminan kedapatan makanan.

Status jaminan kedapatan makanan isi rumah

Jadual 3 menunjukkan tahap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati 6.25% isi rumah tergolong dalam kategori mempunyai jaminan kedapatan makanan dan 93.75% isi rumah lagi tergolong dalam kategori tiada jaminan kedapatan makanan. Berdasarkan kepada isi rumah yang mengalami tiada jaminan kedapatan makanan, didapati sebanyak 51.25% responden berada dalam kategori tiada jaminan kedapatan makanan isirumah, diikuti dengan 23.75% responden mengalami tiada jaminan kedapatan makanan individu, dan 18.75% responden mengalami tahap kebuluran anak-anak.

Hal ini menunjukkan tahap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah dalam kajian ini adalah sangat tinggi. Peratus tahap jaminan kedapatan makanan dalam kalangan isirumah kajian (93.75%) amat tinggi berbanding dengan kajian yang dijalankan dalam kalangan isirumah yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur (65.7%) (Zalilah dan Ang, 2001). Perbezaan peratusan ini disebabkan oleh jumlah pendapatan yang diperoleh oleh isi rumah. Isi rumah dalam kajian di Kuala Lumpur mempunyai pendapatan tetap manakala isi rumah dalam kajian ini yang kebanyakkan tidak memperoleh pendapatan yang tetap. Seterusnya, kajian oleh Masoumeh (2007) pula menunjukkan bahawa 85.2% isi rumah mengalami tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan isi rumah India dari estet kelapa sawit yang terpilih di Negeri Sembilan. Kajian yang dilakukan oleh Norhasmah *et al.*, (2012) pula menunjukkan sebanyak 73.8% isirumah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Hulu Langat, Selangor mengalami tiada jaminan kedapatan makanan.

Jadual 3 : Tahap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Responden

Kategori Tahap Jaminan Pemakanan*	n (N = 80)	%
Tahap jaminan kedapatan makanan	5	6.25
Tahap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah	41	51.25
tahap tiada jaminan kedapatan makanan individu	19	23.75
Tahap kebuluran kanak-kanak	15	18.75

*Radimer (1996)

Kesimpulannya, penduduk kampung dalam kajian ini juga tidak terlepas daripada masalah tiada jaminan kedapatan makanan dan hal ini ditunjukkan oleh peratus yang tertinggi berbanding dengan kajian-kajian sebelum ini yang pernah dijalankan di negara ini. Faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini ialah pendapatan isi rumah yang tidak tetap sehinggakan tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup, khususnya keperluan makanan yang semakin meningkat pada hari ini.

Strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah berkaitan makanan

Jadual 4 menunjukkan strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah yang berkaitan dengan makanan. Sebanyak 98.8% daripada responden menggunakan/mengambil makanan yang murah dan juga membeli barangan makanan yang berharga murah sebagai strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah. Kebanyakan daripada responden menggunakan strategi ini kerana ingin berjimat dalam menggunakan wang dan berbelanja di tempat yang murah, seperti membeli makanan di pasar malam yang harga makanan lebih murah berbanding

dengan restoran atau kedai yang lain. Hasil kajian yang dilakukan oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012) dalam kalangan penerima bantuan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Bukit Mertajam, mendapati 97.5% responden menggunakan strategi ini. Hal ini menunjukkan strategi ini adalah yang paling banyak dilakukan oleh responden untuk mengurangkan masalah tiada jaminan kedapatan makanan.

Jadual 4 : Strategi Daya Tindak Berkaitan Makanan terhadap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Isi rumah

Perkara	n (N = 80)	%
Menggunakan/mengambil makanan yang murah.	79	98.8
Keutamaan memberi anak-anak makan terlebih dahulu	74	92.5
Mengecilkan bahagian saiz makanan atau bilangan hidangan dalam satu sajian.	66	82.5
Mengurangkan bilangan sajian makanan dalam sehari dan sekiranya terdapat makanan lebih akan di beri kepada ahli keluarga yang lain	61	76.3
Memakan apa juga bahan makanan yang diperoleh daripada sekeliling rumah.	59	73.8
Memperuntukkan wang untuk membeli makanan asas dan makanan kurang digemari kerana murah.	40	50.0
Menggunakan/mengambil makanan yang kurang digemari.	13	16.3
Meminjam wangdaripada majikan/kawan/jiran/ adik-beradik untuk membeli makanan.	9	11.3
Menerima bantuan makanan daripada agensi/jiran/adik-beradik/individu/majikan.	5	6.3

Seterusnya, sebanyak 92.5% responden didapati memberi keutamaan kepada anak-anak untuk makan terlebih dahulu dan sekiranya terdapat lebihan makanan barulah diberikan kepada ahli keluarga yang lain. Strategi ini merupakan strategi daya tindak berkaitan makanan yang kedua terpenting yang dikesani dalam kajian ini. Berbanding dengan kajian oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012), strategi tersebut tidak termasuk dalam lima strategi utama dalam kalangan penerima bantuan Pusat Urus Zakat, Pulau Pinang.

Strategi mengecilkan bahagian saiz makanan atau bilangan hidangan dalam satu sajian dengan menghadkan lauk dalam sesuatu sajian merupakan strategi ketiga terpenting yang diperoleh dalam kajian ini. Sebanyak 82.5% daripada responden menggunakan strategi ini untuk mengelakkan berlakunya tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah. Sementara, sebanyak 76.3% responden menggunakan strategi mengurangkan bilangan sajian makanan dalam sehari untuk memastikan wang mencukupi untuk membeli makanan

pada hari-hari yang seterusnya pula. Seterusnya, 73.8% responden memakan apa juga bahan makanan yang di peroleh daripada sekeliling rumah, seperti sayuran dan juga buah-buahan yang ditanam sendiri oleh responden. Kawasan kajian ini merupakan kawasan kampung yang mempunyai ruang dan tanah untuk bercucuk tanam seperti cili, sayur-sayuran dan sebagainya untuk memenuhi keperluan makanan seharian tanpa perlu mengeluarkan wang ringgit.

Beberapa kajian lain pernah dilakukan untuk mengenal pasti strategi daya tindak berkaitan makanan. Jadual 5 menunjukkan lima strategi daya tindak berkaitan makanan utama di beberapa lokasi di Malaysia. Kajian oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012), menunjukkan lima strategi daya tindak berkaitan makanan utama yang digunakan oleh responden dalam kalangan penerima bantuan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Bukit Mertajam ialah menggunakan/mengambil makanan yang murah, memperuntukkan wang untuk membeli makanan asas dan makanan kurang digemari kerana murah, mengecilkan bahagian saiz makanan atau bilangan hidangan dalam satu sajian, mengurangkan kekerapan makan dalam sehari, dan menggunakan/mengambil makanan yang kurang digemari. Kajian oleh Norhasmah (2008) pula mendapati meminjam wang untuk membeli makanan daripada majikan/kawan/jiran/adik-beradik, menggunakan/mengambil makanan yang murah, keutamaan memberi anak-anak untuk makan terlebih dahulu dan sekiranya terdapat lebih makanan akan diberi kepada ahli keluarga yang lain, makan makanan yang kurang digemari dan membeli makanan secara berhutang merupakan lima strategi daya tindak berkaitan makanan utama dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah di Sabak Bernam dan Negeri Sembilan.

Terdapat beberapa persamaan dari segi lima strategi utama yang digunakan oleh responden dalam ketiga-tiga kajian tersebut. Antaranya ialah strategi menggunakan/mengambil makanan yang murah digunakan oleh responden dalam ketiga-tiga kajian ini. Hal ini menunjukkan strategi tersebut sangat efektif untuk mengatasi masalah tiada jaminan kedapatan makanan. Hal ini kerana pada masa kini, harga makanan semakin meningkat naik. Dengan menggunakan strategi ini, wang dapat dijimatkan, contohnya membeli makanan yang murah di pasar malam berbanding dengan membeli makanan di restoran, gerai dan pasar raya yang harganya lebih mahal berbanding dengan pasar malam.

Jadual 5 : Perbandingan Strategi Daya Tindak Berkaitan Makanan terhadap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Isi rumah

Perkara	n (N = 80)	%
*Menggunakan/mengambil makanan yang murah.	78	97.5
Memperuntukkan wang untuk membeli makanan asas dan makanan kurang digemari kerana murah.	75	93.8
Mengecilkan bahagian saiz makanan atau bilangan hidangan dalam satu sajian.	71	88.8
Mengurangkan kekerapan makan dalam sehari.	68	85.0
Menggunakan/mengambil makanan yang kurang digemari.	66	82.5
Perkara	n (N = 57)	%
**Meminjam wang untuk membeli makanan daripada majikan/kawan/jiran/adik-beradik.	57	100.0
Menggunakan/mengambil makanan yang murah.	53	93.0
Keutamaan memberi anak-anak makan terlebih dahulu dan sekiranya terdapat lebihan makanan akan diberi kepada ahli keluarga yang lain.	47	82.5
Makan makanan yang kurang digemari.	42	73.7
Membeli makanan secara berhutang.	37	64.9

*Strategi dalam kajian Siti Marhana dan Norhasmah (2012)

**Strategi dalam kajian Norhasmah (2008)

Selain itu, terdapat juga beberapa persamaan strategi berkaitan makanan yang digunakan oleh responden dalam kajian ini dan kajian yang dijalankan oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012), iaitu mengecilkan bahagian saiz makanan atau bilangan hidangan dalam satu sajian. Dengan menggunakan strategi ini, responden dapat mengurangkan wang untuk memasak makanan yang banyak atau pelbagai lauk dalam sehari. Walau bagaimanapun, hasil kajian oleh Norhasmah (2008), mendapati strategi ini tidak termasuk dalam senarai lima strategi utama seperti yang diperolehi dalam kajian ini dan kajian oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012). Hal ini kerana responden dalam kajian Norhasmah (2008) mempunyai tanaman yang membolehkan responden memasak sendiri lauk-pauk. Penyediaan makanan atau lauk-pauk yang banyak boleh menghalang responden daripada mengecilkan bahagian saiz makanan atau bilangan hidangan dalam sehari.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Norhasmah (2008), strategi yang paling utama diamalkan oleh responden ialah meminjam wang untuk membeli makanan daripada majikan/kawan/jiran/adik beradik. Hal ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012) dan kajian ini, iaitu tidak terdapat strategi ini daripada lima strategi utama yang digunakan oleh responden. Hal ini kerana majoriti responden dalam kajian

Norhasmah (2008) terdiri daripada miskin tegar yang perlu meminjam wang untuk membeli makanan daripada majikan/kawan/jiran/adik-beradik.

Meninjau kajian yang dilakukan oleh Adegbenga (2009) di Nigeria, didapati responden dalam kajiannya mengurangkan pengambilan makanan (89.9%), dengan 81.7% daripada responden makan hanya sekali dalam sehari sebagai strategi daya tindak tiada jaminan kedapatan makanan. Selain itu, strategi yang digunakan oleh responden dalam kajiannya ialah kebergantungan kepada bantuan daripada saudara-mara atau rakan-rakan, pengurangan dalam kuantiti makanan yang dihidangkan kepada anak-anak, membeli makanan secara berhutang dan melangkau waktu makan.

Selain lima strategi utama dalam kajian ini, terdapat beberapa lagi strategi yang digunakan dalam kajian ini, antaranya ialah memperuntukkan wang untuk membeli makanan asas dan makanan yang kurang digemari kerana murah, menggunakan/mengambil makanan yang kurang digemari dan meminjam wang untuk membeli makanan.

Strategi daya tindak berkaitan bukan makanan terhadap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah

Jadual 6 menunjukkan strategi daya tindak berkaitan bukan makanan terhadap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah. Majoriti responden berjimat menggunakan wang dan juga merancang perbelanjaan apabila ingin membeli barang-barang keperluan. Strategi ini amatlah efektif bagi membolehkan isi rumah memastikan masalah tiada jaminan kedapatan makanan tidak berlaku. Menurut Norhasmah *et al.* (2008), kedua-dua strategi ini merupakan strategi yang paling tinggi digunakan oleh responden yang mengalami masalah tiada jaminan kedapatan makanan.

Hasil kajian seterusnya mendapati sebanyak 98.8% daripada responden membeli barangan yang murah atau berbelanja di tempat yang murah berbanding dengan kajian oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012) di Pulau Pinang, iaitu didapati hanya 15.0% responden menggunakan strategi ini. Hal ini kerana responden dalam kajian Siti Marhana dan Norhasmah (2012) ialah penerima bantuan pusat zakat yang merupakan golongan miskin tegar yang kurang berbelanja kerana mendapat bantuan makanan daripada pusat zakat berbanding dengan responden kajian ini, iaitu penduduk kampung.

Kajian dalam kalangan isi rumah masyarakat Embo di daerah Umbumbulu Kwazulu-Natal di Afrika oleh Mjonono, Ngidi, dan Hendriks (2009) juga menunjukkan responden tidak memilih makanan atau membeli makanan yang murah untuk mengatasi masalah tiada jaminan kedapatan makanan ini.

Seterusnya, 88.8% dan 70.0% responden masing-masing membeli pakaian baharu untuk anak-anak sahaja dan tidak untuk ibu dan hanya membeli pakaian murah atau membeli secara berhutang sebagai strategi tidak berkaitan dengan makanan untuk mengelakkan tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan perbezaan peratusan yang tinggi terhadap penggunaan kedua-dua strategi ini berbanding dengan kajian oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012) iaitu membeli pakaian baharu untuk anak-anak sahaja dan tidak untuk ibu (12.5%); membeli pakaian murah atau membeli secara berhutang (16.2%). Hasil kajian ini mendapati lima strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan bukan berkaitan makanan yang utama diamalkan ialah berjimat menggunakan wang, merancang perbelanjaan, membeli barangan yang murah atau berbelanja di tempat yang murah, membeli pakaian baharu untuk anak-anak sahaja dan tidak untuk ibu dan hanya membeli pakaian murah atau membeli secara berhutang

Jadual 6: Strategi Daya Tindak Berkaitan Bukan Makanan terhadap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Isi rumah

Perkara	n (N = 80)	%
Berjimat menggunakan wang.	80	100
Merancang perbelanjaan.	80	100
Membeli barangan yang murah atau berbelanja di tempat yang murah.	79	98.8
Membeli pakaian baharu untuk anak-anak sahaja dan tidak untuk ibu.	71	88.8
Membeli pakaian murah atau membeli secara berhutang.	56	70.0
Mengurangkan wang belanja sekolah anak-anak.	53	66.3
Tidak menghadiri atau memberi hadiah semasa jemputan atau majlis.	39	48.8
Membuat kerja-kerja tambahan.	18	22.5
Meminta bantuan kewangan daripada saudara-mara atau kawan-kawan.	16	20.0
Menjual atau menggadai harta (barang kemas).	3	3.8
Anak-anak tidak bawa wang belanja ke sekolah.	0	0

Beberapa kajian lain pernah dilakukan untuk mengenal pasti strategi daya tindak bukan berkaitan makanan. Jadual 7 menunjukkan lima strategi daya tindak berkaitan makanan utama di beberapa lokasi di Malaysia. Kajian oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012) menunjukkan lima strategi daya tindak berkaitan makanan utama yang digunakan oleh responden dalam kalangan penerima bantuan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Bukit Mertajam ialah berjimat menggunakan wang, merancang perbelanjaan, menanggungkan bayaran bil-bil, mengurangkan wang belanja sekolah anak-anak dan

menanggihkan bayaran bil-bil sehingga menerima surat amaran atau bekalan dipotong. Seterusnya, kajian oleh Norhasmah (2008) pula mendapati lima strategi daya tindak bukan berkaitan dengan makanan terhadap tiada jaminan kedapatan makanan yang utama ialah menjual atau menggadai harta, meminta bantuan kewangan daripada saudara-mara atau kawan-kawan, anak-anak tidak bawa wang ke sekolah dan membeli pakaian baharu untuk anak-anak sahaja dan tidak untuk ibu, menanggihkan bayaran bil-bil dan membeli pakaian yang murah atau membeli secara berhutang.

Jadual 7 : Strategi Daya Tindak Bukan Berkaitan Makanan terhadap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Isi rumah

Perkara	n (N = 80)	%
*Berjimat menggunakan wang.	76	95.0
Merancang perbelanjaan.	76	95.0
Menanggihkan bayaran bil-bil.	48	60.0
Mengurangkan wang belanja sekolah anak-anak.	43	53.8
Menanggih akan bayaran bil-bil sehingga menerima surat amaran atau bekalan dipotong.	42	52.5
Perkara	n (N = 57)	%
** Menjual atau menggadai harta.	39	68.4
Meminta bantuan kewangan daripada saudara-mara atau kawan-kawan.	29	50.9
Membeli pakaian baru untuk anak-anak sahaja dan tidak untuk ibu dan anak-anak tidak bawa wang ke sekolah.	28	49.1
Menanggihkan bayaran bil-bil.	27	47.4
Membeli pakaian yang murah atau membeli secara berhutang.	19	33.3

*Strategi dalam kajian Siti Marhana dan Norhasmah (2012)

**Strategi dalam kajian Norhasmah (2008)

Terdapat persamaan hasil kajian dengan kajian oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012) iaitu responden menggunakan strategi berjimat. Walaubagaimanapun, hasil kajian oleh Norhasmah (2008) mendapati strategi ini tiada dalam lima strategi utama yang dilakukan oleh responden untuk mengatasi masalah tiada jaminan kedapatan makanan ini. Selain itu, merancang perbelanjaan juga tersenarai dalam lima strategi utama dalam kajian oleh Siti Marhana dan Norhasmah (2012). Merancang perbelanjaan perlu bagi memastikan responden berbelanja mengikut keperluan dan tidak membelanjakan wang untuk perkara yang tidak penting.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kaedah penyelidikan untuk mengkategorikan strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan. Kajian oleh Norhasmah (2008) dan Siti Marhana dan Norhasmah (2012)

mengkategorikan kepada dua, iaitu strategi daya tindak berkaitan makanan dan strategi daya tindak berkaitan bukan makanan. Sementara, Zalilah dan Khor (2008) pula mengkategorikan strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan kepada dua kumpulan, iaitu strategi daya tindak berkaitan pendapatan dan perbelanjaan (contoh: meminjam wang, kerja sampingan, mengurangkan perbelanjaan harian/bulanan) dan strategi daya tindak berkaitan makanan (contoh: mengurangkan kepelbagaian makanan, menerima makanan dari ahli keluarga, mengurangkan bilangan makanan sehari).

Seterusnya, Kempson, Keenan, Sadani, dan Adler (2003) mengenalpasti pelbagai strategi daya tindak yang boleh diaplikasi oleh individu yang mempunyai sumber makanan yang terhad di New Jersey yang boleh dikategorikan kepada empat kumpulan iaitu kebergantungan sumber kepada komuniti (contoh: melibatkan diri dalam program makanan yang dijalankan oleh pihak kerajaan seperti mendapatkan bantuan makanan dan majlis makan malam gereja), berinteraksi dengan sistem sokongan tidak rasmi (contoh menggadai barangan dan menjual lebihan makanan, menjual setem makanan untuk mendapatkan wang) mencari sumber kewangan tambahan (contoh: menjual barangan, berjudi, menjual darah) dan merendahkan kos makanan dengan menggunakan strategi pembelian (contoh: membeli makanan yang berharga murah, membeli makanan di kedai yang murah). Kepelbagaian kumpulan strategi ini adalah berdasarkan budaya dan kesesuaian tempat di mana kajian dijalankan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tahap tiada jaminan kedapatan makanan adalah amat tinggi, iaitu sebanyak 93.75%. Majoriti responden mempunyai pendapatan yang rendah dan juga tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Hal ini merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya masalah tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah dalam kalangan responden di lokasi kajian. Pendapatan isi rumah yang rendah (miskin dan miskin tegar) di samping peningkatan harga barangan, khususnya makanan merupakan penyumbang utama masalah ini. Pendapatan yang diperoleh setiap bulan tidak diperuntukkan secukupnya untuk perbelanjaan makanan. Hal ini kerana pendapatan diperuntukkan juga untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang lain seperti sewa rumah, bil air dan elektrik, perbelanjaan sekolah anak-anak dan lain-lain lagi. Perbelanjaan perkakas rumah dan perabot dibelanjakan lebih daripada yang sepatutnya, iaitu lebih daripada RM56 sebulan, sebaliknya perbelanjaan makanan kurang daripada jumlah yang sepatutnya dibelanjakan, iaitu RM 365 (Laporan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia, 2004/2005). Hal ini menunjukkan isi rumah lebih mementingkan kehendak (contohnya perbelanjaan perkakas rumah)

berbanding dengan keperluan asas yang sepatutnya dipenuhi terlebih dahulu (makanan dan minuman). Selain itu, pengurusan kewangan keluarga adalah penting untuk memastikan barang-barang keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian didahulukan dan diutamakan dahulu berbanding dengan barangan kehendak.

Dua jenis strategi daya tindak yang diamalkan oleh responden telah digunakan untuk menghalang atau melambatkan berlakunya masalah tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah. Strategi ini dapat membantu responden untuk mengurangkan situasi tiada jaminan makanan daripada berlaku. Walaubagaimanapun, strategi daya tindak, khususnya berkaitan makanan boleh memberi kesan kepada masalah malnutrisi (kelebihan atau kekurangan nutrien) dan memberi impak negatif kepada pemakanan dan kesihatan dalam kalangan isi rumah.

Selain itu, kenaikan harga makanan pada masa kini juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah tiada jaminan kedapatan makanan ini. Pihak kerajaan seharusnya memainkan peranan dalam mengurangkan peratusan tiada jaminan kedapatan makanan di Kampung Pulau Serai ini dengan memberi subsidi harga makanan kepada golongan yang mengalami masalah tiada jaminan kedapatan makanan. Agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pusat zakat harus memainkan peranan dalam usaha untuk mengurangkan masalah tiada jaminan kedapatan makanan ini, seperti memberikan kemudahan mikro kredit untuk memulakan perniagaan. Disamping itu, usaha untuk meningkatkan sosioekonomi isi rumah perlu dipergiatkan lagi, seperti memberi modal permulaan untuk perniagaan kepada isi rumah di kampung ini. Oleh itu, isi rumah dapat menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan untuk menambah pendapatan keluarga seterusnya dapat keluar daripada masalah kemiskinan dan tiada jaminan kedapatan makanan yang begitu serius.

Rujukan

Adekoya, A.E. (2009). Food insecurity and coping strategies among rural households in Oyo State, Nigeria. *Journal of Food, Agriculture & Environment*, 7(3&4), 187-191.

Campbell, C.C. (1991). Food insecurity: A nutritional outcome or a predictor variable? *Journal of Nutrition*, 121, 408-415.

Coleman-Jensen, A., Nord, M., Andrews, M., & Carlson, S. (2011). *Household food security in the United States in 2010*, ERR-125, USDA's Economic Research Service. Available at: http://www.ers.usda.gov/media/121076/err125_2_.pdf

Davis, B. & Tarasuk, V. (1994). Hunger in Canada. *Agriculture and Human Values*, 11(4), 50-57.

Dixon, L. B., Winkleby, M. A., & Radimer, K. L. (2001). *Dietary Intakes and Serum.Eighth Malaysian Plan 2001-2005*. Kuala Lumpur: EPU, Prime Minister Department.

Gundersen, C. (2007). Measuring the extent, depth, and severity of food insecurity: An application to AmericanIndians in the USA. *Journal ofPopulation Economics*, 21, 191-215.

Hilary, K., Barbara, A., & Margot, B. (2010). Food insecurity is associated with chronic disease among low-income NHANES participants. *Journal of Nutrition*, 140, 304-310.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2006). Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2004/05. Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2009. Dimuat turun daripada <http://www.statistic.gov.my>.

Kempson, K., Keenan, D.P., Sadani, P.S., & Adler, A. (2003). Maintaining food sufficiency: Coping strategies identified by limited-resources individuals versus nutrition educators. *Journal Nutrition Educationand Behavior*, 35, 179-188.

Kendall, A., Olson, C.M., & Frongillo, E.A. (1995). Validation of the Radimer/Cornell measures of hunger and food insecurity. *Journal of Nutrition*, 125, 2793-2801.

Kendall, A., Olson, C.M., & Frongillo, E.A. (1996). Relationship of hunger and food insecurity to food availability and consumption. *Journal of the American Dietetic Association*, 96,1019-1024.

Kennedy, E. & Peters, P. (1992). Household food insecurity and child nutrition : The Interaction of income and gender of household head. *World Development*, 20(8), 1077-1085.

Kirpatrick, S.I. & Tarasuk, V. (2008). Food insecurity is associated with nutrient inadequancies among canadian adults and adolescents. *Journal of Nutrition*, 138, 604-612.

Lee, J. S. & Frongillo, E. A. (2001). Nutritional and health consequencey are associated with food insecurity among U.S. ederly persons. *Journal Nutrition*, 131, 1503-1509.

Life Science Research Office, Federation of American Societies of Experimental Biology. (1990). Core indicators of nutritional state for hard to measure population. *The Journal of Nutrition*, 120, 1575-1576.

Mjonono, M., Ngidi, M., & Hendrick, S. L. (2009). Investigating Household Food Insecurity Coping Strategies and The Impact of Crop Production on Food Security Using Coping Strategy Index (CSI). 17th International Farm Management Congress, Bloomington/Normal, Illinois, USA.

Norhasmah, S. (2008). Coping strategies of food insecurity among low income household. *Malaysian Journal of Consumer*, 11, 1-13.

Norhasmah, S., Zalilah, M. S., Mirmalini, K., Mohd Nasir, M. T., & Asnarulkhadi, A. S. (2012). Household food insecurity among urban welfare recipient households in Hulu Langat, Selangor. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(2), 405-420.

Norhasmah, S., Zalilah, M. S., Mirmalini, K., Mohd Nasir, M. T., & Asnarulkhadi, A. S., (2009). Factors contributing to household food insecurity. *Malaysian Journal of Consumer*, 12, 55-64.

Piaseu, N. & Mitchell, P. (2004). Household food insecurity among urban poor in Thailand. *Journal of Nursing Scholarship*, 36(2), 115-121.

Quisumbing, A. R., Brown, L.R., Feldstein, H.S., Haddad, L., & Pena, C. (1995). *Women: The Key to Food Insecurity*. Washington DC, Food Policy Report, the International Food Policy Research Institute.

Radimer, K. L., Olson, C. M. Greene, J. C., Campbell, C. C., & Habiet, J. (1992). Understanding hunger and developing indicators to assess it in women and children. *Journal of Nutrition Education*, 24(1), 365-445.

Radimer, K. L., Olson, C. M., & Campbell, C. C. (1990). Development of indicators to assess hunger. *Journal of Nutrition*, 120, 1544-1548.

Rousset, S., Droit-Volet, S., & Boirie, Y. (2006). Change in protein intake in elderly french people living at home after a nutritional information program targeting protein consumption. *Journal of the American Dietetic Association*, 106(2), 253-261.

Siti Marhana, A.R. & Norhasmah, S. (2012). Perbelanjaan dan tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah dalam kalangan penerima bantuan pusat urus zakat Pulau Pinang, Bukit Mertajam. *Malaysian Journal of Consumer*, 19, 1-13.

Studdert, L.J., Frongillo, E.A., & Valois, P. (2001). Household food insecurity was prevalent in Java during Indonesia's economic crisis. *Journal of Nutrition*, 131, 2685-2691.

Stuff, J.E., Casey, P.H., Szeto, K.L., Gossett, J.M., Robbins, J.M., Simpson, P.M., Connell, C., & Bogle, M.L. (2004). Household food insecurity is associated with adult health status. *Journal of Nutrition*, 134, 2330-2335.

Tarasuk, V. S. & Beaton, G. H. (1999). Women's dietary intakes in the context of household food insecurity. *Journal Nutrition*, 129, 672-679.

Tarasuk, V., McIntyre, L., & Jinguang, L. (2007). Low- income women's dietary intakes are sensitive to the depletion of household resources in one month. *Journal of Nutrition*, 137, 1980-1987.

Unit Perancang Ekonomi. (2007). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Di muat turun pada Ogos 15, 2010 dari laman web http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/PENDAPATAN_GARISKEMISKINAN2007.pdf

US Department of Agriculture, Economic Research Service. (2011). ERS/USDA Briefing Room – Food Security in the United States: Key Statistics and Graphics. http://www.ers.usda.gov/Briefing/FoodSecurity/stats_graphs.htm (accessed March 2012).

US Census Bureau (2010) American FactFinder. S1701: Poverty Status in the Past 12 Months: 2006–2010 American Community Survey 5-Year Estimates. http://factfinder2.census.gov/faces/tableservices/jsf/pages/productview.xhtml?pid5ACS_10_5YR_S1701&prodType5table (accessed April 2012).

US Department of Agriculture. (2012). Food Desert Locator. <http://www.ers.usda.gov/Data/FoodDesert/fooddesert.html> (accessed April 2012).

World Bank. (2011). 'Food Price Watch'. http://www.worldbank.org/foodcrisis/food_price_watch_report_feb2011.html

Zalilah, M. S. & Ang, M. (2001). Assessment of food insecurity among low income households in Kuala Lumpur using the Radimer/Cornell food insecurity instrument – a validation study. *Malaysian Journal Nutrition*, 7(1&2), 15-32.

Zalilah, M. S. & Khor, G.L. (2004). Indicators and nutritional outcomes of household food insecurity among a sample of rural Malaysian women. *Pakistan Journal of Nutrition*, 3(1), 50-55.